

14 AUG 1997

LOTUS ELISE DIUJI PASANG DI KILANG PROTON SHAH ALAM

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Kereta sport Lotus Elise kini sedang diuji pasang di kilang Proton di Shah Alam dan akan berada di jalan raya sebaik sahaja kelulusan kerajaan mengenai penetapan harganya diperolehi.

"Kami jangka untuk mengeluarkan kira-kira 1,500 buah kereta setahun," ketua pegawai eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) Tengku Mahaleel Tengku Ariff berkata.

Beliau memberitahu pemberita selepas taklimat untuk para penganalisis Eksposisi Peluang-peluang Pertumbuhan Modal Malaysia Yang Ketiga di sini hari ini bahawa Lotus Asia Pacific, sebuah usaha sama antara Proton dan Lotus Group International, adalah pemasang dan pengedar kereta itu.

Sementara itu, pengerusi DRB-Hicom Datuk Mohd Salleh Sulong menafikan khabar angin bahawa Mokhzani Mahathir akan memiliki satu kepentingan dalam Lotus Asia-Pacific.

Mokhzani adalah ketua pegawai eksekutif Tongkah Holdings Bhd. --

BERNAMA

SHO OS/sia